

No. Rujukan : NAICO25.600-1/2(5)

Tarikh : 7 Februari 2025

YBrs. En. Zahid Ismail

Ketua Pengarah

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

Perbadanan Produktiviti Malaysia, Lorong Produktiviti,

Jalan Sultan, Petaling Jaya

46200 SELANGOR

Tuan,

**JEMPUTAN SEBAGAI PEMPAMER SEMPENA PAMERAN KE-17 LANGKAWI
INTERNATIONAL MARITIME AND AEROSPACE EXHIBITION (LIMA'25) PADA 20-24
MEI 2025**

Dengan hormatnya saya ingin menarik perhatian Tuan berhubung pameran *Langkawi International Maritime and Aerospace Exhibitions 2025 (LIMA'25)*.

2. Dimaklumkan bahawa National Aerospace Industry Corporation Malaysia (NAICO Malaysia) akan mengambil bahagian sebagai pempamer sempena pameran ke-17 (LIMA'25) yang akan berlangsung pada 20-24 Mei 2025 di *Mahsuri International Exhibition Centre (MIEC)*.

3. LIMA'25 merupakan pameran maritim dan aeroangkasa antarabangsa terkemuka di rantau Asia Pasifik. Acara ini akan mengetengahkan pelbagai industri yang mempersembahkan inovasi dalam teknologi maritim dan aeroangkasa, pertahanan, keselamatan, angkasa dan teknologi, serta sektor baru muncul seperti *Urban Air Mobility (UAM)* dan tenaga lestari daripada syarikat-syarikat tempatan dan antarabangsa.

4. Sehubungan itu, NAICO Malaysia dengan sukacitanya menjemput Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) untuk menjadi rakan strategik dan salah satu pempamer di bawah astaka MITI yang diselaraskan oleh NAICO Malaysia. Penglibatan MPC dalam acara ini adalah penting untuk memperlihatkan kepada umum akan usaha bersepadu Kerajaan Malaysia dalam meletakkan Malaysia sebagai hab industri aeroangkasa di rantau Asia Tenggara seperti yang digariskan di bawah RMKe-12 dan Pelan Tindakan Industri Aeroangkasa Malaysia 2030.

Dr. Wazir
Dr. Norjafel

① Sia baru
② dgn NAICO
③ Boleh balik
hotel selery
wfh

① chaw

② NCS

③ say

Shirley

5. Butiran program adalah seperti ketetapan berikut:

Tarikh : 20-24 Mei 2025 (Selasa-Sabtu)
Tempat : Mahsuri International Exhibition Centre, Langkawi, Kedah
No. Astaka : Hall C (C018)

6. Sokongan dan penglibatan pihak Tuan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih. Sebarang pertanyaan lanjut mengenai inisiatif ini boleh berhubung dengan Ts. Muhammad Shahrul Nizam di talian 016-2369036 /shahrulnizam@naicomalaysia.my atau En. Nik Mohd Farhan di talian 011-21201435 /nik@naicomalaysia.my.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(Prof. Ts. SHAMSUL KAMAR ABU SAMAH)
Ketua Pegawai Eksekutif
National Aerospace Industry Corporation Malaysia